



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4

KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD

**29 JUN 2026 (ISNIN)
9.00 PAGI**

**AUDITORIUM,
BANGUNAN TEMENGGONG IBRAHIM, MBIP**

**LAPORAN TAHUNAN & PENYATA KIRA KIRA
2025**

ISI KANDUNGAN

BIL	BUTIRAN	MUKA SURAT
1	PRINSIP-PRINSIP KOPERASI	1
2	ETIKA MESYUARAT AGUNG	2-8
3	NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4	9-10
4	ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) JURUAUDIT LUAR, PEJABAT PENDAFTAR DAN BANK	11
5	ATURCARA MESYUARAT AGUNG	12
6	AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4	13
7	LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2024	14-21
8	LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	22
9	MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE-3	23-32
10	LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025	33-61
11	PERUNTUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2026 & 2027 (BAJET TAHUNAN)	62-63

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

DEFINISI

Sebuah koperasi adalah pertubuhan berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama dan aspirasi dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya, melalui suatu badan yang dimiliki bersama dan yang terkawal secara demokrasi.

NILAI-NILAI

Koperasi adalah berasaskan nilai-nilai berdikari, kesedaran tanggungjawab diri, demokrasi, persamaan kesaksamaan dan perpaduan. Selaras dengan tradisi pengasas gerakan itu, anggota koperasi menerima nilai-nilai etika, termasuk amanah, ketulusan, tanggungjawab sosial serta sikap penyayang terhadap orang lain.

PRINSIP-PRINSIP

Prinsip koperasi menjadi panduan untuk koperasi mengamalkan nilai – nilainya.

- | | | |
|------------------------|---|----------------------------------|
| PRINSIP PERTAMA | – | Keanggotaan Sukarela Dan Terbuka |
| PRINSIP KEDUA | – | Kawalan Demokrasi Oleh Anggota |
| PRINSIP KETIGA | – | Penglibatan Ekonomi Oleh Anggota |
| PRINSIP KEEMPAT | – | Autonomi Dan Kebebasan |
| PRINSIP KELIMA | – | Pendidikan, Latihan Dan Maklumat |
| PRINSIP KEENAM | – | Bekerjasama Di Antara Koperasi |
| PRINSIP KETUJUH | – | Berprihatin Terhadap Masyarakat |

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

Anggota-anggota hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam notis mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang kecil.

4. Perkara-perkara Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

5. Kuorum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

6. Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

- a) Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".
- b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

10. Tertib Bercakap

- a) Anggota yang ingin bercakap hendaklah memaklumkan kepada pengerusi mesyuarat/moderator untuk bercakap ketika Mesyuarat.
- b) Apabila lebih daripada seorang anggota ingin bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.
- c) Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- d) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali:
 - i. jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan

- mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau
- ii. jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.
- e) Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.
- f) Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi **tiga minit**, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi **dua minit**.

12. Isi-isi Ucapan

- a) Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

- b) Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.
- c) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.
- d) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.
- e) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertuan Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- f) Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan –
 - i. perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;
 - ii. perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan
 - iii. perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.
- g) Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan / Perbahasan

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak

boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak bepeluang menjawab.

14. Usul

- a) Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.
- b) Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.
- c) Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi sekurang-kurangnya **tujuh hari** sebelum mesyuarat agung diadakan.
- d) Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.
- e) Apabila sesuatu usul ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung. Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- a) Sesuatu usul asal pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- b) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau

pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

17. Hak Menjawab

- a) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.

- b) Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

18. Usul Tergempar

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

19. Pengundian

- a) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.

- b) Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

20. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa mesyuarat sedang berjalan :-

- i. Anggota yang masuk ke dalam mesyuarat di atas talian hendaklah atau membawa diri dalam mesyuarat dengan tertib adab;
- ii. Seseorang anggota tidak boleh bercakap semasa mesyuarat berjalan dan kebenaran haruslah diberikan oleh pengerusi majlis;
- iii. Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- a) Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.
- b) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.
- c) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta dari mesyuarat.
- d) Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- e) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (*substantive*) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.
- f) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai.



KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD (J-3-1435)

ARAS BAWAH

d/a MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

BANGUNAN TEMENGGONG IBRAHIM

JALAN MEDINI SENTRAL 9, BANDAR MEDINI ISKANDAR

79250 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Rujukan kami : KOIPB (U) 002-3 ()

Tarikh : 10 JUN 2026

Semua Anggota
Koperasi Iskandar Puteri Berhad

Tuan/Puan,

**RALAT : PERUBAHAN TARIKH DAN TEMPAT
NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4
KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD**

Dengan segala hormatnya perkara merujuk kepada surat KOIPB(A)002-3() bertarikh 29 Mei 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Iskandar Puteri Berhad (KOIPB) ingin mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke-4 sebagaimana ketetapan berikut :

TARIKH : 29 JUN 2026 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
BANGUNAN TEMENGGONG IBRAHIM
JALAN MEDINI SENTRAL 9
BANDAR MEDINI ISKANDAR
79250 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

3. Sehubungan dengan itu, semua anggota Koperasi dijemput hadir bagi melaksanakan tanggungjawab dan mematuhi kehendak Seksyen 39, Akta Koperasi 1993.

4. Sebarang usul hendaklah disampaikan kepada Setiausaha koperasi secara bertulis sebagaimana yang tercatat dalam Undang-undang Kecil 31(p) sebelum atau pada 20 Jun 2026. Kehadiran tuan/puan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“MEMBANGUN BERSAMA ANGGOTA”

()
(MUHAMMAD A'ZIM BIN ABD KARIM)

Setiausaha,
Koperasi Iskandar Puteri Berhad.

S.k : - Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Johor
- Anggota Lembaga Koperasi, KOIPB
- Jawatankuasa Audit Dalaman, KOIPB
- Fail



KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD (J-3-1435)

ARAS BAWAH

d/a MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

BANGUNAN TEMENGGONG IBRAHIM

JALAN MEDINI SENTRAL 9, BANDAR MEDINI ISKANDAR

79250 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Rujukan kami : KOIPB (U) 002-3 ()

Tarikh : 29 MEI 2026

Semua Anggota
Koperasi Iskandar Puteri Berhad

Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4
KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD**

Dengan segala hormatnya perkara yang disebut di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Iskandar Puteri Berhad (KOIPB) ingin mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke-4 sebagaimana ditetapkan berikut :

TARIKH : 30 JUN 2026 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN UTAMA
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
BANGUNAN TEMENGGONG IBRAHIM
JALAN MEDINI SENTRAL 9
BANDAR MEDINI ISKANDAR
79250 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

3. Sehubungan dengan itu, semua anggota Koperasi dijemput hadir bagi melaksanakan tanggungjawab dan mematuhi kehendak Seksyen 39, Akta Koperasi 1993.

4. Sebarang usul hendaklah disampaikan kepada Setiausaha koperasi secara bertulis sebagaimana yang tercatat dalam Undang-undang Kecil 31(p) sebelum atau pada 20 Jun 2026. Kehadiran tuan/puan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“MEMBANGUN BERSAMA ANGGOTA”


(**MUHAMAD A'ZIM BIN ABD KARIM**)

Setiausaha,
Koperasi Iskandar Puteri Berhad.

- S.k : - Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Johor
- Anggota Lembaga Koperasi, KOIPB
- Jawatankuasa Audit Dalaman, KOIPB
- Fail



**ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI. JAWATANKUASA AUDIT DALAM (JAD),
JURUAUDIT LUAR, PEJABAT PENDAFTAR DAN BANK**

Pengerusi	:	Ir. Ts. Mohd Zamri Bin Buang
Setiausaha	:	En. Muhamad A'zim Bin Abd Karim
Bendahari	:	En. Md Izzuan Bin Md Rais
Anggota Lembaga	:	Pn. Serimah Binti Sahak En. Muhammad Hidhir Bin Eshak Pn. Masliza Binti Ahmad Pn. Norhidayah Binti Saad Pn. Morni Binti Ahmad En. Mohd Iezuan Bin Mohd Salleh
Juruaudit Dalaman	:	Pn. Amiratul Fatimah Binti Jalil En. Noorazmi Bin Mohd Yusak Cik Nabihah Hazwani Binti Azmi
Juruaudit Luar	:	HAZZIDI SAID & ASSOCIATES Juruaudit Koperasi Bertauliah No 50A, Jalan Pulai 22 Taman Pulai Utama 81300 Skudai, Johor Bahru
Alamat pentadbiran dan surat menyurat	:	Aras bawah d/a Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Bangunan Temenggong Ibrahim Jalan Medini Sentral 9 Bandar Medini Iskandar 79250 Iskandar Puteri, Johor
Bank	:	CIMB Islamic Bank Berhad Cawangan Tampoi, 193B & C Batu 4 ½, Jalan Skudai 80200 Tampoi, Johor

ATURCARA

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4 KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD

**PADA 29 JUN 2026 (ISNIN) | AUDITORIUM, ARAS1,
BANGUNAN TEMENGGONG IBRAHIM, MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI.**

MASA	ATURCARA
9.00 Pagi	: Pendaftaran anggota.
9.30 Pagi	: Ketibaan Yang Berhormat Dato' Haji Hasrin Kamal Bin Hashim Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
	: Bacaan Doa
	: Ucapan alu-aluan oleh Yang Berusaha Ir. Ts. Mohd Zamri bin Buang Pengerusi, Koperasi Iskandar Puteri Berhad
	: Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Haji Hasrin Kamal Bin Hashim Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
	: Penyampaian cenderahati
10.00 Pagi	: Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4 Koperasi Iskandar Puteri Berhad
	: Penyampaian hadiah cabutan bertuah
	: Jamuan dan bersurai

AGENDA

MESYUARAT AGUNG TAHUN KALI KE-4 KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD

1. Pemilihan pengerusi mesyuarat agung.
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kali Ketiga Pada 30 Jun 2025.
3. Membentangkan Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalamam.
4. Menimbang dan meluluskan akaun teraudit koperasi bersama dengan laporan juruaudit berakhir 30 September 2025.
5. Memilih anggota Lembaga.
6. Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2026/2027.
7. Meluluskan elaun yang akan diberikan kepada anggota Lembaga.
8. Meluluskan pelantikan satu panel yang tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi.
9. Menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan wang lebihan koperasi mengikut Seksyen 54 Akta.
10. Menentukan had maksimum keterhutangan koperasi.
11. Melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat anggota lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan.
12. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan.
13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi.
14. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada undang-undang kecil koperasi dan aturan koperasi.

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025

Anggota-anggota Koperasi Iskandar Puteri Berhad yang dihormati,

Dengan sukacitanya, saya bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi Iskandar Puteri Berhad buat kali ke-4 membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Bagi Tahun Berakhir 30 September 2025 seperti di bawah : –

1. Keanggotaan Koperasi

Bilangan Anggota sehingga 30 September 2025 adalah seramai 185 orang.

2. Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

1. Ir. Ts. Mohd Zamri Bin Buang	-	ALK (Pengerusi)
2. En. Muhamad A'zim bin Abd. Karim	-	ALK (Setiausaha)
3. En. Md Izzuan Bin Md Rais	-	ALK (Bendahari)
4. Pn. Norhidayah Binti Saad	-	ALK
5. Pn. Serimah Binti Sahak	-	ALK
6. Pn. Masliza Binti Ahmad	-	ALK
7. En. Mohd Iezuan Bin Mohd Salleh	-	ALK
8. En. Muhammad Hidhir Bin Eshak	-	ALK
9. Pn. Morni Binti Ahmad	-	ALK

3. Pentadbiran dan pengurusan

Koperasi Iskandar Puteri Berhad telah di tadbir urus oleh semua Anggota Lembaga Koperasi (9 orang ALK) sejak ia ditubuhkan dari tahun 2018. Kini koperasi ini telah mempunyai 2 orang pekerja bagi menguruskan Puteri Mart.

4. Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi

- (1) Anggota Lembaga Koperasi telah mengadakan Mesyuarat Lembaga sekurang-kurangnya **sekali dalam tempoh dua (2) bulan** sepertimana yang dikehendaki dalam undang-undang kecil 42(2) Koperasi ini
- (2) Berikut merupakan senarai kehadiran Anggota Lembaga di dalam mesyuarat sepanjang tahun kewangan sepertimana berikut –

Tahun Kewangan Berakhir pada 30 September 2025

Bil.	Nama ALK	Mesyuarat Lembaga					
		Bil. 1	Bil. 2	Bil. 3	Bil. 4	Bil. 5	Bil. 6
1.	Ir.Ts. Mohd Zamri Bin Buang	/	/	/	-	-	/
2.	En. Muhamad A'zim Bin Abd. Karim	/	/	/	/	/	/
3.	En. Md Izzuan Bin Md Rais	/	/	/	-	/	/
4.	Pn. Norhidayah Binti Saad	/	/	/	/	/	/
5.	Pn. Serimah Binti Sahak	/	/	/	/	/	/
6.	Pn. Masliza Binti Ahmad	/	/	/	/	/	/
7.	En. Mohd Izzuan Bin Mohd Salleh	/	/	-	-	/	-
8.	En. Muhammad Hidhir Bin Eshak	/	/	/	/	/	/
9.	Pn. Morni Binti Ahmad	/	/	/	-	/	/

5. Jawatankuasa Audit Dalam

- (1) Sebagaimana yang dikehendaki subseksyen 42A(1) Akta Koperasi 1993 dan undang-undang kecil 53 Koperasi ini, Lembaga telah melantik tiga (3) orang ahli Jawatankuasa Audit Dalam bagi mengaudit hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Koperasi sepanjang tahun kewangan berakhir pada 30 September 2025.
- (2) Jawatankuasa Audit Dalam yang dilantik adalah :-
- (a) Puan Amiratul Fatimah Binti Jalil
 - (b) Encik Noorazmi Bin Mohd Yusak
 - (c) Cik Nabihah Hazwani Binti Azmi

6. Kursus / Seminar yang telah dihadiri oleh Anggota Lembaga Koperasi, Juru Audit Dalam dan Anggota

Anggota Lembaga Koperasi, Juru Audit Dalam dan Anggota telah menjalankan menghadiri kursus atau seminar sebagaimana berikut :-

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Peserta
1	Bengkel Latihan produk Myangkasa Amanah Berhad (MAAB) Bagi Rakan Niaga Premium Koperasi (RNPK)	25.06.2025	1 orang
2	Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	11.02.2026 – 12.02.2026	6 orang
3	Kursus Wajib Plus : Penyediaan Belanjawan	12.05.2026 – 13.05.2026	2 orang
4	Pengurusan Mesyuarat Lembaga Koperasi	19.05.2026 – 21.05.2026	1 orang
5	Kursus Pemantapan Jati Diri Koperasi (Zon Selatan) Negeri Johor Tahun 2026	15.06.2026	2 orang

7. Aktiviti yang telah dijalankan

Sepanjang tahun 2024/2025, Koperasi Iskandar Puteri Berhad telah menjalankan aktiviti sebagaimana berikut :-

1. Puteri Mart

Puteri Mart merupakan sebuah kedai di bawah Koperasi Iskandar Puteri Berhad. Penubuhan Puteri Mart telah melalui tempoh persiapan selama 5 bulan iaitu mulai Mac 2025 yang melibatkan perancangan operasi, penyediaan tempat dan pengubahsuaian kedai, konsep kedai serta pengurusan bekalan barangan.

Pada 06 Ogos 2025, satu majlis doa selamat telah diadakan sempena pembukaan Puteri Mart. Majlis ini bertujuan memohon keberkatan dan kelancaran kedai ini agar dapat beroperasi dengan sempurna. Selain itu, juga majlis perasmian juga telah diadakan pada hari tersebut dan disempurnakan oleh Haji Hasrin Hashim Bin Kamal iaitu Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri selaku penaung kepada Koperasi Iskandar Puteri Berhad.

Seterusnya pada 08 Ogos 2025, Puteri Mart telah dibuka secara rasmi kepada orang ramai. Pembukaan ini merupakan satu pencapaian penting bagi koperasi dalam mengembangkan aktiviti perniagaannya.





2. Penganjur acara.

Koperasi juga telah diberi peluang menjadi penganjur acara sebagaimana berikut: -

- a) Karnival Makanan sempena Petronas Cup Prix Tahun 2025
- b) Food truck sempena Program Briss Walk. (16 Mei 2026)

Dengan adanya program atau karnival ini maka koperasi berjaya menambah pendapatan melalui hasil sewa tapak khemah vendor makanan dan sewa tapak food truck.



3. Membekalkan dan menyediakan kopi sebagaimana berikut:-
 - a) Laksamana Run 2025. (18 Oktober 2025)
 - b) Program Smart City di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru. (22 – 24 September 2025)
 - c) Jamuan Hari Raya Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Tahun 2026.



4. Membekalkan t-shirt kepada Kontraktor Landskap


Pihak koperasi telah membekalkan t-shirt pekerja kepada Kontraktor Landskap bagi menambahkan sumber pendapatan koperasi



8. Ucapan penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Anggota Lembaga Koperasi, Juru Audit Dalaman, Anggota dan Jawatankuasa Kerja serta pekerja di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran. Semoga koperasi ini terus berkembang dan terus maju lagi. Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh


.....
(MUHAMAD A'ZIM BIN ABD KARIM)

Setiausaha

Koperasi Iskandar Puteri Berhad

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD

Mengikut kehendak-kehendak Seksyen 49 Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi perkara 57(2)(d) dengan ini melaporkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan ke-4, bahawa kami dengan ini telah memeriksa akaun-akaun, rekod-rekod dan penyata-penyata yang disebutkan dalam sub seksyen (1) dan (2) Akta Koperasi 1993 dan mendapati :

1. Bahawa penyata-penyata kewangan ini telah menyimpan rekod-rekod perakuan dan lain-lain yang sepatutnya disimpan dengan lengkap dan teratur.
2. Bahawa Koperasi ini telah menyimpan rekod-rekod perakuan dan lain-lain yang sepatutnya disimpan dengan lengkap dan teratur.
3. Bahawa hal-ehwal koperasi ini telah dijalankan mengikut matlamat koperasi ini didaftarkan, peruntukan Undang-Undang Kecil dan aturan-aturan yang dibuat.

Dengan ini kami membuat kesimpulan bahawa pada pendapat kami penyata kewangan koperasi ini menzahirkan kenyataan yang benar dan munasabah.

Sekian, terima kasih.



.....
(NOORAZMI BIN MOHD YUSAK)
Jawatankuasa Audit Dalamam (Anggota)

30 APR 2026



.....
(NABIHAH HAZWANI BINTI AZMI)
Jawatankuasa Audit Dalamam (Anggota)

30 APR 2026



.....
(AMIRATUL FATIMAH BINTI JALIL)
Jawatankuasa Audit Dalamam (Ketua)

30 APR 2026

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-3
KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD**

Tarikh : 30 JUN 2025 (ISNIN)
Masa : 2.00 PETANG
Tempat : DEWAN UTAMA, MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
Kehadiran : 150 orang

PENDAHULUAN

A) PEMILIHAN Pengerusi Mesyuarat Agung



Pengerusi Koperasi, Ir. Ts. Mohd Zamri Bin Buang (No. Anggota : 0001) memaklumkan jumlah kehadiran adalah seramai 150 orang dan bilangan ini memenuhi kehendak kuorum mesyuarat.

Beliau memaklumkan mengikut Undang-Undang Kecil, Pengerusi Mesyuarat hendaklah dipilih dari kalangan anggota. Oleh itu, beliau membuka pencalonan kepada anggota-anggota untuk memilih Pengerusi Mesyuarat.

Atas cadangan Cik Nabihah Hazwani Binti Azmi (No. Anggota : 0038) dan disokong oleh Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114) memilih Ir. Ts. Mohd Zamri Bin Buang sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-3. Mesyuarat sebulat suara memilih Ts. Mohd Zamri Bin Buang (No. Anggota : 0001) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-3.

B) PENCATAT MINIT

Cik Nabihah Hazwani Binti Azmi (No. Anggota : 0038) mencadangkan Pn. Azizah Binti Surif (No. Anggota : 0071) dan Pn. Hjh Nor Faezah Binti Juma'at (No. Anggota : 0041) untuk dilantik sebagai pencatat minit dan disokong oleh Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114).

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Pn. Azizah Binti Surif (No. Anggota : 0071) dan Pn. Hjh Nor Faezah Binti Juma'at (No. Anggota : 0041) telah dilantik sebagai pencatat minit mesyuarat.

C) JURUKIRA UNDI

Pn. Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0121) mencadangkan En. Muhammad Hidhir Bin Eshak (No. Anggota : 0189) dan En. Noramin Bin Kaswan (No. Anggota : 0094) untuk dilantik sebagai pengira undi dan disokong oleh En. Noor Azlan Bin Mohamad (No. Anggota : 0126)

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan kepada mesyuarat bahawa En. Muhammad Hidhir Bin Eshak (No. Anggota : 0189) dan En. Noramin Bin Kaswan (No. Anggota : 0094) telah dilantik sebagai jurukira undi.

AGENDA 1

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERTAMA PADA 24 JUN 2024

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan minit mesyuarat tersebut adalah dari muka surat 22 hingga 30.

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Pertama disahkan setelah –

Dicadang oleh : Pn. Nor Zian Binti Abdul Rahman (No. Anggota : 0093)
Disokong oleh : Pn. Siti Aisah Binti Ahmad (No. Anggota : 0051)

AGENDA 2

MEMBENTANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

2.1 Setiausaha Koperasi, En. Muhamad A'zim Bin Abd Karim (No. Anggota : 0002) telah membentangkan Laporan Lembaga dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dari muka surat 14 hingga 21.

2.3 Mesyuarat bersetuju menerima laporan yang tersebut di atas setelah –

Dicadang oleh : En. Mohd Sharir Bin Mohd Nor (No. Anggota : 0033)
Disokong oleh : En. Noor Azlan Bin Mohamad (No. Anggota : 0126)

AGENDA 3

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2024

3.1 Encik Md Izzuan bin Md Rais (No. Anggota 0065) selaku Bendahari Koperasi membentangkan penyata kewangan yang teraudit bagi tahun berakhir 30 September 2024 dari muka surat 31 hingga 58.

3.2 Laporan Akaun teraudit bersama Laporan Juruaudit diterima setelah –

Dicadang oleh : En. Ahmad Saufi Bin Abd Rahim (No. Anggota : 0004)

Disokong oleh : Pn. Siti Aisah Binti Ahmad (No. Anggota : 0051)

AGENDA 4

MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA

4.1 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan empat (4) orang ALK yang gugur bagi sesi 2025.

1. Pn. Norhidayah Binti Saad (No. Anggota : 0011)
2. Pn. Ruzitah Binti Salleh (No. Anggota : 0048)
3. En. Wan Iznif Bin Wan Ibrahim (No. Anggota : 0056)
4. En. Mohd Izzuan Bin Mohd Salleh (No. Anggota : 0086)

4.2 Setiausaha telah memaklumkan bahawa En. Mohd Izzuan Bin Mohd Salleh (No. Anggota : 0086) digugurkan kerana telah mengisi kekosongan apabila En Syahrul Bin Sapri (No. Anggota : 0116) yang telah meletakkan jawatan sebagai anggota lembaga pada 30 September 2024. Giliran penguguran En Syahrul Bin Sapri (No Anggota : 0116) adalah pada tahun 2025. Oleh itu, pengisian En. Mohd Izzuan Bin Mohd Salleh (No. Anggota : 0086) hanya sementara sehingga tarikh mesyuarat agung terdekat berlaku. En. Mohd Izzuan Bin Mohd Salleh (No. Anggota : 0086) boleh dilantik semula sekiranya dilantik oleh anggota koperasi dan berjaya dalam sesi pemilihan anggota Lembaga.

4.3 Seramai 4 orang anggota telah dicalonkan untuk dipilih sebagai Anggota Lembaga dan senarai mereka adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA CALON	PENCADANG	PENYOKONG
1	Pn. Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0121)	Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114)	Pn. Suziyana Binti Misni (No. Anggota : 0054)
2	Pn. Norhidayah Binti Saad (No. Anggota : 0011)	En. Syahrul Bin Sapri (No. Anggota : 0116)	En. Mohd Rozaimi Bint Mahat (No. Anggota : 0032)
3	En. Mohd Iezuan Bin Mohd Salleh (No. Anggota : 0086)	En. Syahrul Bin Sapri (No. Anggota : 0116)	En. Mohd Rozaimi Bint Mahat (No. Anggota : 0032)
4	En. Muhammad Hidhir Bin Eshak (No. Anggota : 0189)	Pn. Amiratul Fatimah Binti Jalil (No. Anggota : 0154)	En. Ahmad Saufi Bin Abd Rahim (No. Anggota : 004)

Pencalonan ditutup setelah –

Dicadang oleh : Pn. Rosmidah Binti Subiran (No. Anggota : 0047)

Disokong oleh : En. Mohamad Farid Bin Anang (No. Anggota : 0026)

4.4 Keputusan undian Anggota Lembaga.

Pengerusi Mesyuarat telah mengumumkan keputusan Anggota Lembaga bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran sebagaimana berikut:

	<u>No. Anggota</u>	<u>No. Anggota</u>
1.	Pn. Morni Binti Ahmad	0121
2.	Pn. Norhidayah Binti Saad	0011
3.	En. Mohd Iezuan Bin Mohd Salleh	0086
4.	En. Muhammad Hidhir Bin Eshak	0189

AGENDA 5

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2025 / 2026

- 5.1 Bendahari membenteng Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2025 / 2026 dari muka surat 59 hingga 60.

5.2 Mesyuarat meluluskan Belanjawan Tahunan 2025 / 2026 dengan –

Dicadang oleh : En. Ahmad Saufi Bin Abd Rahim (No. Anggota : 0004)

Disokong oleh : En. Mohd Sharir Bin Mohd Nor (No. Anggota : 0033)

AGENDA 6

MELULUSKAN ELAUN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA

6.1 Bendahari mencadangkan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga.

6.2 Mesyuarat mencadangkan supaya elaun Lembaga dinaikkan / diturunkan / dikekalkan.
Senarai jumlah elaun yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Elaun
1.	Pengerusi	RM 200.00 / bulan
2.	Setiausaha	RM 150.00 / bulan
3.	Bendahari	RM 150.00 / bulan
4.	Anggota Lembaga Koperasi	RM 100.00 / bulan
5.	Anggota Lembaga Koperasi	RM 100.00 / bulan
6.	Anggota Lembaga Koperasi	RM 100.00 / bulan
7.	Anggota Lembaga Koperasi	RM 100.00 / bulan
8.	Anggota Lembaga Koperasi	RM 100.00 / bulan
9.	Anggota Lembaga Koperasi	RM 100.00 / bulan

Cadangan ditutup setelah –

Dicadang oleh : En. Aznan Bin Subari (No. Anggota : 0072)

Disokong oleh : En. Mazlan Bin Sahid (No. Anggota : 0024)

AGENDA 7

MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

7.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa pada tahun lepas panel juruaudit pertama yang dilantik ialah Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan panel juruaudit kedua ialah firma audit luar yang dipilih di dalam Mesyuarat Lembaga oleh Anggota Lembaga iaitu Tetuan Hazzidi Said & Associates.

7.2 Pn. Norzian Binti Abdul Rahman (No. Anggota : 0093) mencadangkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk dilantik sebagai panel juruaudit pertama dan disokong oleh Pn. Siti Aisah Binti Ahmad (No. Anggota : 0051).

- 7.3 Pengerusi Mesyuarat mencadangkan kepada mesyuarat agar dua (2) penambahan pelantikan firma juruaudit luar dibawa ke dalam Mesyuarat Lembaga untuk dipilih dan diputuskan.
- 7.4 Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk memberi mandat kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk menggunakan khidmat satu (1) firma juruaudit dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan dua (2) firma juruaudit luar yang akan dipilih dan diputuskan oleh Mesyuarat Lembaga untuk mengaudit akaun koperasi.

AGENDA 8

MENIMBANGKAN DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN WANG LEBIHAN KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 54 AKTA

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta mesyuarat menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan tersebut.
- 8.2 Encik Md Izzuan bin Md Rais (No. Anggota 0065) selaku Bendahari Koperasi memaklumkan bahawa 10% daripada nilai keuntungan telah dimasukkan ke dalam Coop Bank Pertama sebagai salah satu syarat yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Nilai tersebut boleh dicairkan dan dikeluarkan sekiranya Koperasi menghadapi masalah kewangan.
- 8.3 En. Ahmad Saufi Bin Abd Rahim (No. Anggota : 0004) meminta penjelasan mengenai lebih RM100,000.00 yang diperolehi berkaitan had pelaburan Koperasi. Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa Koperasi tiada cadangan untuk menambah pelaburan buat masa ini.
- 8.4 Pn. Zarina Binti Mohd Ali (No. Anggota : 0012) meminta penjelasan dividen yang akan diperolehi jika berdasarkan pelaburan sebanyak RM100,000.00. Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa anggaran dividen yang bakal diperolehi adalah 4% setahun.
- 8.5 En. Norazli Bin Aziz (No. Anggota : 0008) meminta penjelasan mengenai hasil yang diperolehi yang dibawa masuk ke dalam Bajet Tahun 2026. Bendahari memaklumkan bahawa Koperasi akan membuka kedai koperasi dengan anggaran bajet sebanyak RM150,000.000 termasuk kos renovasi dan pembelian barang-barang. Segala keuntungan kedai koperasi dijangka akan diperolehi melalui penjualan pelbagai jenis minuman kopi, barang-barang runcit dan makanan vendor.

- 8.2 En. Norazli Bin Aziz (No. Anggota : 0008) mencadangkan agar ruang lingkup dan had pelaburan sebanyak RM200,000.00 ~~dikekalkan~~ / dikurangkan / dinaikkan kepada RM100,000.00 dan disokong oleh Pn. Suziyana Binti Misni (No. Anggota : 0054).
- 8.3 Mesyuarat sebulat suara meluluskan had pelaburan koperasi sebanyak RM100,000.00.

AGENDA 9

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa Koperasi tetap terikat dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sama ada untuk membuat pelaburan dan perniagaan. Semua Anggota juga dimaklumkan bahawa sumber pendapatan utama Koperasi pada masa ini dijana melalui kursus-kursus termasuklah kursus teknikal. Pada masa ini Koperasi sentiasa memikirkan keuntungan demi menjaga kepentingan Anggota agar lebih terpelihara. Pengerusi Mesyuarat juga memohon agar semua Anggota tidak membandingkan prestasi dan keupayaan Koperasi ini dengan lain-lain koperasi yang lebih besar yang telah beroperasi lebih 20 tahun.
- 9.2 En. Mahmood Bin Ismail (No. Anggota : 0021) mencadangkan had maksimum keterhutangan Koperasi (had pinjaman) RM5,000,000.00 ~~dikekalkan~~ / dikurangkan / dinaikkan sebanyak RM2,000,000.00 dan disokong oleh En. Syahrul Bin Sapri (No. Anggota : 0116).
- 9.3 Mesyuarat sebulat suara meluluskan had maksimum keterhutangan Koperasi (had pinjaman) ~~dikekalkan~~ / dikurangkan / dinaikkan kepada RM2,000,000.00.

AGENDA 10

MELANTIK JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Mesyuarat telah melantik enam (6) orang Anggota sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat. Senarai nama AJK adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA CALON	PENCADANG	PENYOKONG
1	Cik Nabihah Hazwani Binti Azmi (No. Anggota : 0038)	Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114)	En. Mohammed Sharul Nazreen Bin Kudus (No. Anggota : 0028)
2	Pn. Rosmidah Binti Subiran (No. Anggota : 0047)	Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114)	En. Mohammed Sharul Nazreen Bin Kudus (No. Anggota : 0028)
3	Pn. Sharifah Faridah Binti Syed Abd. Hamid (No. Anggota : 0112)	Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114)	En. Mohammed Sharul Nazreen Bin Kudus (No. Anggota : 0028)
4	Pn. Faezah Binti Abdullah (No. Anggota : 0017)	Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114)	En. Mohammed Sharul Nazreen Bin Kudus (No. Anggota : 0028)
5	Pn. Raja Zazilah Binti Raja Mustafa (No. Anggota : 0102)	Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114)	En. Mohammed Sharul Nazreen Bin Kudus (No. Anggota : 0028)
6	Pn. Amiratul Fatimah Binti Jalil (No. Anggota : 0154)	Cik Siti Morni Binti Ahmad (No. Anggota : 0114)	En. Mohammed Sharul Nazreen Bin Kudus (No. Anggota : 0028)

Manakala seramai empat (4) orang Anggota Lembaga adalah seperti berikut:

1. En. Muhamad A'zim Bin Abd Karim (No. Anggota : 0002)
2. En. Md Izzuan Bin Md Rais (No. Anggota : 0065)
3. Pn. Serimah Binti Sahak (No. Anggota : 0006)
4. Pn. Masliza Binti Ahmad (No. Anggota : 0022)

AGENDA 11

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

- 11.1 Bendahari membentangkan pembahagian keuntungan dividen dan honorarium adalah **10%** bagi tahun kewangan teraudit berakhir 30 September 2024.
- 11.2 Mesyuarat bersetuju meluluskan pembahagian keuntungan setelah –
 - Dicadang oleh : Pn. Siti Noraim Binti Abdul Ghani (No. Anggota : 0009)
 - Disokong oleh : Ts. Nor Azizul Bin Leman (No. Anggota : 0091)

AGENDA 12

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU HAL URUSAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI

- 12.1 Pengerusi Mesyuarat menjelaskan bahawa tiada sebarang cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang mana suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan kepada Koperasi yang dikemukakan oleh Anggota Koperasi untuk dibawa masuk ke dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-3.

AGENDA 13

MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL DAN ATURAN KOPERASI

- 13.1 Pengerusi Mesyuarat menjelaskan bahawa tiada apa-apa cadangan pindaan undang-undang kecil dan Aturan Koperasi yang dikemukakan oleh Anggota atau Lembaga untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-3 bagi mendapatkan kelulusan.

UCAPAN PENANGGUHAN

Sebelum menanggungkan mesyuarat, Ir. Ts. Mohd Zamri Bin Buang (No. Anggota : 0001) selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Anggota Koperasi yang telah hadir ke mesyuarat ini dan memohon maaf sekiranya terdapat salah dan silap sepanjang beliau mempengerusikan mesyuarat. Mesyuarat ditangguh pada jam 3.52 petang.

Dicatat oleh:




.....
(AZIZAH BINTI SURIF)
No. Anggota : 0071



.....
(HAJAH NOR FAEZAH BINTI JUMA'AT)
No. Anggota : 0041

Disemak oleh :













.....
(MUHAMAD A'ZIM BIN ABD KARIM)
Setiausaha
No. Anggota : 0002

Disahkan oleh :



.....
(Ir. Ts. MOHD ZAMRI BIN BUANG)
Pengerusi
No. Anggota : 0001

JAWATANKUASA PENENTUSAHAN DRAF MINIT MESYUARAT

BIL.	NAMA	TANDATANGAN
1	Cik Nabihah Hazwani Binti Azmi (No. Anggota : 0038)	
2	Pn. Rosmidah Binti Subiran (No. Anggota : 0047)	
3	Pn. Sharifah Faridah Binti Syed Abd. Hamid (No. Anggota : 0112)	
4	Pn. Faezah Binti Abdullah (No. Anggota : 0017)	
5	Pn. Raja Zazilah Binti Raja Mustafa (No. Anggota : 0102)	
6	Pn. Amiratul Fatimah Binti Jalil (No. Anggota : 0154)	
7	En. Muhamad A'zim Bin Abd Karim (No. Anggota : 0002)	
8	En. Md Izzuan Bin Md Rais (No. Anggota : 0065)	
9	Pn. Serimah Binti Sahak (No. Anggota : 0006)	
10	Pn. Masliza Binti Ahmad (No. Anggota : 0022)	

KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD
[Ditubuhkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993]

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
30 SEPTEMBER 2025

HAZZIDI SAID & ASSOCIATES
JURUAUDIT KOPERASI BERTAULIAH

NO.50A, JALAN PULAI 22,
TAMAN PULAI UTAMA,
81300 SKUDAI, JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TAKZIM.
TEL : 07- 5704966
Emel : hs_jb@yahoo.com

KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD
[Ditubuhkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993]

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
MAKLUMAT KORPORAT KOPERASI	1
LAPORAN JURUAUDIT	2 - 4
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA	5
KUNCI KIRA-KIRA	6
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	7
AKAUN UNTUNG RUGI INDUK	8
AKAUN PERDAGANGAN PROJEK	9
AKAUN PERDAGANGAN TSHIRT	10
AKAUN PERDAGANGAN PUTERI MART	11
PENYATA ALIRAN TUNAI	12 & 13
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	14 - 26

KOPERASI ISKANDAR PUTERI BERHAD
[Ditubuhkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993]

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

MAKLUMAT KORPORAT KOPERASI

AHLI LEMBAGA KOPERASI

Pengerusi : Ir.Ts Mohd Zamri Bin Buang
Setiausaha : Muhamad A'zim Bin Abd Karim
Bendahari : Md Izzuan Bin Md Rais
Serimah Binti Sahak
Ruzitah Binti Salleh
Norhidayah Binti Saad
Mohd Iezuan Bin Mohd Salleh
Wan Iznif Bin Wan Ibrahim
Masliza Binti Ahmad
Muhammad Hidhir Bin Eshak
Murni Bin Ahmad

JUARUAUDIT DALAMAN : Noorazmi Bin Mohd Yusak
Nabihah Hazwani Binti Azmi
Amiratul Fatimah Binti Jalil

ALAMAT SURAT MENYURAT


Koperasi Iskandar Puteri, Aras Bawah,
Majlis Iskandar Puteri,
Jalan Medini Sentral 9, Bandar Medini Iskandar,
79250 Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim.

JURUAUDIT

HAZZIDI SAID & ASSOCIATES. (JM0419057-V)
Juruaudit Koperasi Bertauliah (Malaysia)
No.50A, Jalan Pulai 22,
Taman Pulai Utama,
81300 Skudai, Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

BANK UTAMA

CIMB Bank Berhad



HAZZIDI SAID & ASSOCIATES
JM0419057-V
JURUAUDIT KOPERASI BERTAULIAH
SKM(A)0270
SKM(B)0600

LAPORAN JURUAUDIT PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025

Kepada,

Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Anggota-Anggota Koperasi Iskandar Puteri Berhad

Tetuan,

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang terdiri daripada Kunci Kira-Kira pada 30 September 2025, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi Induk, Akaun Perdagangan Projek, Akaun Perdagangan Tshirt dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan bersama.


Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

